

Aktiviti 2

Baca cerita.

Pulau Rimba merupakan sebuah pulau yang indah. Pulau itu mula tercemar apabila sering dikunjungi pelancong. Penduduk Pulau Rimba mula risau. Mereka mahu menyelamatkan pulau mereka.

Pada suatu hari, penduduk Pulau Rimba mengadakan mesyuarat tergempar. Mereka mencari jalan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar. Pelbagai cadangan dan pendapat diberikan oleh penduduk pulau itu.

Seorang pencinta alam telah memberikan buah fikiran. Penduduk Pulau Rimba pula melakukan pelbagai usaha untuk menyelamatkan pulau mereka daripada pencemaran. Usaha mereka berjaya. Suasana di pulau itu kekal indah dan damai.



Apakah yang dilakukan oleh penduduk Pulau Rimba untuk menyelamatkan pulau mereka daripada pencemaran?

1. Mereka _____ pokok untuk menghijaukan bumi.
2. Mereka bergotong-royong untuk _____ pulau.
3. Mereka mengadakan kempen _____.